



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : **PSUKPP/3/2023**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berkeelayakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berkaitan:

221510 - Tempat Letak Kereta

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

PERKHIDMATAN SEWAAN TANAH (52 PETAK LETAK KERETA) SEBAHAGIAN LOT 771, SEKSYEN 19, DEWAN SRI PINANG

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang boleh mendapatkan borang sebut harga melalui laman Portal Rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang. Syarikat-syarikat yang ingin turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

Tarikh : 2 Februari 2023 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi
**Tempat : Bilik Dahlia Dewan Sri Pinang
Lebuh Light, 10231 Pulau Pinang**
Kehadiran : Pemilik Syarikat sahaja (wakil tidak dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen asal dan salinan yang masih sah laku (salinan asal dan salinan fotostat) seperti berikut:-

- i) **Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah;**
- ii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah; dan**
- iii) **Cetakan Spesifikasi dari Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP).**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (SysP) mulai **27 Januari 2023 (Jumaat)**.
5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 9 Februari 2023 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang

SKOP PERKHIDMATAN

1. Penyebutharga hendaklah menggunakan Tanah itu sebagai tapak letak kereta sahaja. Pada setiap masa, tiada apa-apa binaan dibenarkan untuk didirikan di atas tanah itu. Waktu operasi adalah seperti berikut :-
 - i. **Waktu Pejabat (Pelanggan Bulanan)**
Isnin hingga Jumaat - 7.30 pagi hingga 5.30 petang
 - ii. **Waktu Lain (Penyewa Kemudahan Dewan Sri Pinang)**
Isnin hingga Jumaat - 5.30 petang hingga 12.00 malam
(Mengikut keperluan)

Sabtu, Ahad dan Cuti - 7.00 pagi hingga 12.00 malam
Kelepasan Am (Mengikut keperluan)
2. Kontrak Perkhidmatan ini dibuat untuk tempoh **dua (2) tahun sahaja**.
3. Penyebut harga yang berjaya **WAJIB** membayar wang deposit sebanyak **tiga (3) bulan harga sewaan** secara keseluruhan. Bayaran deposit tersebut perlu dibayar oleh penyebut harga yang berjaya dalam masa tujuh (7) hari setelah diberitahu bahawa tawarannya telah diterima.
4. Bayaran sewaan bagi setiap bulan hendaklah dibayar secara tunai ataupun cek berpaling atas nama **Bendahari Negeri Pulau Pinang** selewat-lewatnya pada **tujuh (7) haribulan** bagi bulan tersebut.
5. Penyebut harga tidak dibenarkan untuk Sewaan itu dipindah milik, sewaan dan/ atau sewaan kedua tanpa kebenaran bertulis daripada Pemilik (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri-bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang). Penyebut harga juga tidak dibenarkan menggunakan tapak letak kereta untuk mengutip apa-apa bayaran jika tiada sebarang majlis.
6. Penyebut harga dengan biayanya sendiri hendaklah menyediakan Papan-Papan Tanda yang menunjukkan laluan Keluar/ Masuk, Kadar Bayaran Meletak Kereta, Papan Kenyataan dan seumpamanya di atas Tanah itu dengan secukupnya.
7. Penyebut harga yang berjaya diwajibkan mengurus dan memastikan kesemua petak letak kereta dicat dan dinomborkan semula setiap satu (1) tahun [atau tidak melebihi tempoh setiap satu (1) tahun] daripada tarikh surat setuju terima. Berdasarkan syarat ini, dalam tempoh dua (2) tahun sewaan, penyebutharga hendaklah mengecat dan menomborkan semula petak letak kereta sekurang-kurangnya dua (2) kali dengan biayanya sendiri.
8. Penyebut harga hendaklah mengeluarkan resit bagi setiap bayaran yang diterima pada setiap bulan. Pemilik pada setiap masa adalah berhak untuk memeriksa buku resit tersebut.

9. Kadar bayaran meletak kereta adalah terbahagi kepada dua kategori seperti berikut:-

i.	Kategori Pertama Hari Bekerja Biasa (7.30 pagi – 5.30 petang)	Kadar Bayaran
	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran Bulanan 	RM150.00 sebulan
	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana Kenderaan Kerajaan/ Milik Pegawai Kerajaan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (dikhaskan di petak berbumbung) 	Percuma
ii.	Kategori Kedua Hari Selepas Waktu Bekerja Biasa (5.30 petang – 12.00 malam) Cuti Umum dan Cuti Kelepasan (7.00 pagi – 12.00 malam)	Kadar Bayaran
	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis selain daripada jamuan makan (sekali masuk) 	RM3.00
	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis jamuan makan sahaja (sekali masuk) 	RM1.00
	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana Kenderaan Kerajaan / Milik Pegawai Kerajaan dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (dikhaskan di petak bumbung) 	Percuma

10. Penyebut harga hendaklah mengecualikan sebarang bayaran bagi majlis-majlis anjuran Kerajaan Negeri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pemilik akan memaklumkan dalam tempoh yang munasabah).
11. Pemilik adalah bebas daripada apa-apa dakwaan ke atas kehilangan atau kerosakan mana-mana kereta / kenderaan yang diletak di atas Tanah itu. Semua urusan keselamatan di atas penggunaan Tanah itu adalah tanggungjawab penyebut harga.
12. Penyebut harga hendaklah menyediakan pekerja yang mencukupi untuk mengendalikan tempat meletak kereta itu. Penyebut harga juga bertanggungjawab untuk :-
- 12.1 Menyediakan sekurang-kurangnya **seorang pekerja** tempatan/ Warganegara Malaysia;
 - 12.2 Menyediakan **seorang penyelia** tempatan/ Warganegara Malaysia
 - 12.3 Mahir dan berpengalaman dalam mengatur / selia tempat letak kereta;
 - 12.4 Lengkap berpakaian kemas / seragam dan mempunyai tanda nama;

- 12.5 Bersikap jujur, amanah, sopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab; dan
- 12.6 Bebas dari rekod jenayah.
13. Penyebut harga dikehendaki menyerahkan butiran lengkap peribadi setiap pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain maklumat yang dirasakan perlu kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan rekod.
 14. Penyebut harga dikehendaki melantik seorang Penyelia untuk mengawasi serta membuat lawatan / pemeriksaan pada setiap hari.
 15. Penyebutharga perlulah membuat bayaran kepada tenaga pekerja mengikut Perintah Gajii Minimum 2022 yang telah diwartakan pada 27 April 2022.
 16. Penyebut harga perlu memastikan pekerja mengutip bayaran meletak kenderaan dalam kawasan tapak sewaan dan menunggu di posisinya sehingga semua kenderaan keluar, pekerja hendaklah segera memaklumkan kepada Pengawal Keselamatan Dewan Sri Pinang untuk menutup semula pintu pagar.
 17. Kerajaan Negeri berhak mengeluarkan arahan kepada penyebut harga untuk memberhenti mana-mana pekerja yang didapati tidak berdisiplin dan tidak mematuhi arahan atau melanggar mana-mana undang-undang yang boleh menyebabkan terjejasnya imej Kerajaan Negeri.
 18. Semua kos yang terlibat dengan Perjanjian dan operasi tempat meletak kereta hendaklah menjadi tanggungjawab sepenuhnya oleh penyebutharga (duti setem, fi dan apa-apa perkara berkaitan dengannya).
 19. Penyebut harga, semasa menjalankan operasi tempat meletak kereta, hendaklah sentiasa mematuhi semua kehendak undang-undang yang sedang berkuatkuasa dan diterima pakai oleh semua agensi Kerajaan yang berkaitan dengan operasi tempat meletak kereta itu.
 20. Sekiranya dalam Tempoh Sewaan, Pemilik berhasrat untuk menggunakan Tanah itu atau sebahagian daripada Tanah itu bagi maksud Urusan Kerajaan, Pemilik berhak membatalkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga. Penyebut harga tidak berhak untuk menuntut apa-apa kerugian atau mendapat balik apa-apa bayaran sewaan yang telah dibuat kepada Pemilik.
 21. Jika dalam Tempoh Sewaan, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk melupuskan Tanah itu kepada mana-mana pihak, maka Perjanjian ini adalah terbatal dengan sendirinya mulai daripada tarikh Kerajaan Negeri membuat keputusan itu. Penyewa hendaklah mengosongkan Tanah itu dalam tempoh 30 (tiga puluh) hari daripada tarikh notis diterima daripada Pemilik.
 22. Penyewa adalah bertanggungjawab untuk menyerah balik Tanah itu kepada Pemilik dalam keadaan asalnya sebaik sahaja Perjanjian ini tamat dan / atau terbatal, yang mana terlebih dahulu.

23. Sekiranya Penyewa gagal mematuhi terma dan mana-mana syarat dalam Perjanjian ini, maka Perjanjian ini adalah terbatal dengan serta-merta dan penyebut harga tidak layak menuntut apa-apa bayaran gantirugi/pampasan daripada Pemilik dan apa-apa bayaran yang telah dibayar kepada Pemilik adalah menjadi milik Pemilik sepenuhnya **kecuali** wang deposit yang akan dikembalikan kepada Penyewa setelah mengambil kira apa-apa bayaran yang terhutang oleh Penyewa ke atas Pemilik.
24. Pemilik dan / atau Penyewa adalah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan menulis surat rasmi memaklumkan akan hasrat masing-masing dan surat itu hendaklah dihantar dengan Pos Berdaftar yang dialamatkan kepada atau serahan tangan kepada alamat masing-masing sepertimana tertera dalam surat perjanjian ini.
25. Semua kerosakan kepada harta Kerajaan Negeri yang berlaku atas kecuaiian Penyewa akan dibiayai oleh Penyewa.
26. Kerja-kerja penyelenggaraan (yang munasabah dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak) boleh ditambah dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk membayar setiap kos kerja tambahan yang dilaksanakan.
27. Pihak Pemilik iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan berhak meminda, memantau dan / atau mengubah syarat-syarat perjanjian, kadar harga dan lain-lain keperluan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.
28. Penyebut harga yang berjaya akan menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Surat Akuan Pembida Berjaya.